



MAKLUMAT PENGULAS

Nama peserta : Jizni Azrin Juhari

Jabatan /
Bahagian : Bhgn Pengurusan Pengetahuan

MAKLUMAT BUKU

Tajuk buku : Terbang Tinggi

Tempat
terbitan : Shah Alam, Selangor

Penerbit : Grup Buku Karangkrak Sdn Bhd

Jumlah muka
surat : 247

Tahun terbitan : 2019

Sasaran umur
pembaca : 20 tahun ke atas

Komen fizikal : Saiz buku yang bersesuaian, tebal tetapi kualiti kertas mudah menjadi kuning dan terdapat gambar ilustrasi berwarna

Positif : Perkongsian pengalaman penulis tentang penjelajahan beliau sehingga dapat mempelajari pengajaran yang amat berguna tentang kuasa positif dan persamaan yang akan membantu mencorakkan pendekatan terbuka terhadap bisnes yang beliau ceburi

Negatif : Tiada

Kelebihan : Terdapat tajuk lagu di setiap bab yang ada di dalam buku Terbang Tinggi ini. Sekiranya pembaca membaca setiap bab sambil mendengar tajuk lagu yang disertakan mungkin penghayatan pembaca akan jadi lebih terkesan dengan setiap kisah yang dikongsikan. Buku ini juga ada menyelitkan strategi-strategi AirAsia dalam alam bisnes di mana boleh dijadikan panduan buat para usahawan lain yang ingin berjaya

Luahan rasa : Sesuai untuk pembaca buku peringkat remaja yang ingin mencapai impian dan bercita-cita tinggi dalam pandangan mengenai dunia bisnes. Ia dapat membuka minda pembaca yang pasif menjadi aktif dan luas pandangan agar sentiasa kekal positif demi mencapai apa yang dihasratkan jika berani berimpian

Ulasan : Terbang Tinggi adalah kisah kehidupan penulis menyampaikan pengalaman beliau sejak dari zaman kanak-kanak, remaja sehingga menjadi seorang tokoh perniagaan yang berjaya serta disegani di dalam dan luar negara. Antara kisah yang beliau ceritakan ialah tentang ibunya yang merupakan individu penting dalam salah satu perniagaan di Malaysia dan bapanya seorang doktor yang begitu tegas dalam memastikan anaknya mendapat pendidikan sebaiknya. Namun, beliau tetap dengan impian dan cita-citanya untuk menjadi seorang juruterbang, pemandu lumba kereta dan pemain bola sepak. Walaupun tidak mengikuti pelajaran yang dikehendaki oleh keluarga beliau, penulis tetap meneruskan pengajiannya ke arah sukan yang mendorong untuk mencapai cita-citanya dan berjaya membuktikan kepada ahli keluarganya bahawa dia tidak menia-siakan peluang yang ada.

Selepas belajar sebagai seorang akauntan dan menghabiskan karier awal di Virgin Communication dan Warner Mucus, penulis memperoleh AirAsia, syarikat penerbangan yang gagal dan beliau berjaya menukarnya menjadi pengangkutan tambang rendah yang pertama di Asia di mana ianya adalah impian dan kisah sebaliknya ketika beliau tidak dapat pulang berjumpa ahli keluarganya ketika cuti semester kerana tambang kapal terbang yang mahal. Beliau juga memenuhi satu impian pada zaman kanak-kanaknya untuk mencapai satu lagi impiannya dengan membantu QPR ke peringkat Liga Premier selepas 15 tahun hilang dari dunia kejayaan. Siapa sangka, beliau juga merupakan individu penting yang membawa naik kumpulan nasyid terkemuka negara iaitu Kumpulan Raihan yang berjaya membawa muzik Islamik ke seluruh pelusuk dunia.

Dengan kisah dan beberapa perkongsian strategi dalam bisnes yang terdapat di dalam buku ini, boleh dijadikan panduan buat para pembaca mahupun usahawan kerana kisah-kisah ini memberi inspirasi dan membuktikan kepada kita semua bahawa kita boleh mencapai apa yang kita hasratkan jika berani berimpian dan tidak takut berdepan dengan kegagalan.

Gambar Buku



: